

06 NOV 1996

Mahathir-Conte

PRESIDEN GUINEA JANGKAKAN HUBUNGAN LEBIH DINAMIK DENGAN MALAYSIA

Oleh: Rachman Nordin

CONAKRY, 6 Nov (Bernama) -- Presiden Guinea Lansana Conte hari ini memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau menjangkakan ikatan perkongsian yang lebih kukuh dengan Malaysia yang bercirikan kedinamikan dan pragmatisme.

Berucap dalam bahasa Perancis di Palace of Nation di sini, Conte berharap lawatan Dr Mahathir "akan membawa kejayaan yang lebih besar dalam hubungan kedua-dua negara berasaskan semangat kedinamikan, pragmatisme dan kesediaan memupuk kerjasama dalam bidang-bidang baru perkongsian dengan sasaran terhadap sektor yang diberi keutamaan."

"Saya yakin bahawa lawatan Dr Mahathir dan sesi bekerja para pegawai akan mendatangkan hasil yang membawa kepada pemodernan ekonomi Guinea terutamanya sektor pertanian," katanya pada permulaan perbincangan antara delegasi Guinea dan Malaysia.

Sebagai jawapan Dr Mahathir berkata setelah melalui tahap sukar membina negara serupa seperi yang dialami Guinea sekarang, Malaysia dapat memahami masalah Guinea dan percaya bahawa pengalaman Malaysia ada kaitannya kepada Guinea.

"Kami telah melalui proses ini sebelum ini dan kami tidak lupa cara bagaimana kami mengatasi masalah itu. Kami sedia berkongsi dengan anda pengalaman Malaysia dalam mengatasi masalah-masalah itu," katanya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi kemudian mengetuai delegasi Malaysia yang turut termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan sejawatan Guinea mereka.

Terdahulu Dr Mahathir dan Conte mengadakan pertemuan empat mata di tempat yang sama yang didahului dengan perbincangan berasingan dengan rakan sejawatannya Sidya Toure di pejabat Toure.

Bercakap melalui penterjemah, Toure memberitahu Dr Mahathir bahawa Guinea sedang melalui tahap sukar untuk mengurangkan defisit belanjawannya daripada lapan peratus kepada 6.5 peratus Keluaran Negara Kasar dan untuk itu ia berharap mendapat bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjelang Januari tahun depan.

Guinea, bekas jajahan Perancis dengan penduduk seramai tujuh juta terdiri daripada lebih tiga puak terbesar turut mengharap dapat mencontohi Malaysia dalam mencapai perpaduan pelbagai kaum dan menggalakkan lebih banyak pembaharuan ekonomi, katanya.

Dr Mahathir memberi jaminan kepada Toure bahawa untuk membantu Guinea, Malaysia tidak akan teragak-agak memindahkan teknologi dalam bidang tertentu yang Malaysia mempunyai kepakaran dengan syarat terdapat kestabilan politik dan rangka kerja perundangan yang betul.

Beliau memberitahu Toure: "Tiada sebab kenapa Guinea tidak boleh berjaya jika Guinea mempunyai dua syarat ini. Malaysia berjaya kerana kami mempunyai kestabilan politik dan rangka kerja perundangan yang betul.

Malaysia tidak teragak-agak mendedahkan kepada Guinea "apa yang telah kami lakukan untuk pembangunan tetapi mungkin tidak semua yang boleh digunakan," kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun Dr Mahathir percaya bahawa beberapa prosedur yang diterima pakai Malaysia bagi pembangunannya boleh digunakan Guinea.

Jadual ketat merupakan perkara biasa lawatan rasmi Dr Mahathir di mana jua dan jadual hari keduanya juga tidak terkecuali.

Selepas perbincangan dengan Conte dan Toure, jadualnya hari ini

termasuk pelancaran Bank Perdagangan Antarabangsa -- satu usahaniaga berlesen Malaysia September lepas oleh Bank Pusat Guinea menawarkan perkhidmatan perbankan sepenuhnya dengan modal berbayar US\$2 juta (RM5 juta) -- pada majlis jamuan tengah hari untuk seminar perniagaan Malaysia-Guinea.

Dr Mahathir juga menyaksikan penandatanganan melibatkan Business Focus Sdn Berhad dengan pembelian dan pengubahsuaian hotel Grand Unity yang pada awalnya berharga US\$100 juta (RM250 juta). --BERNAMA

RN RON